

08/05/1999

JPM pindah pertengahan Mei

PUTRAJAYA, Jumaat - Seluruh jentera pentadbiran Jabatan Perdana Menteri (JPM) yang mengandungi 850 kakitangan termasuk Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, akan mula berpindah ke pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan di Putrajaya pertengahan bulan ini.

Menteri di JPM, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata proses perpindahan itu akan mengambil masa dua minggu, membabitkan pejabat Perdana Menteri, menteri, timbalan menteri, setiausaha Parlimen kementerian dan jabatan berkaitan.

"Semua pihak terbabit sudah diberitahu dan ada yang sudahpun membungkus barangan mereka," katanya kepada pemberita selepas mendengar taklimat pelaksanaan pusat pentadbiran baru Kerajaan Persekutuan, hari ini.

Putrajaya yang dirancang menjadi bandar taman bestari meliputi kawasan seluas 4,581 hektar dan terletak 25 kilometer dari Kuala Lumpur dan berdekatan kawasan Koridor Raya Multimedia (MSC) yang turut menempatkan Cyberjaya, bandar raya pintar pertama di dunia.

Sebagai sebuah bandar raya dalam taman di mana 70 peratus daripada 4,400 hektar kawasan yang dirancang meliputi pepohon hijau, keindahan taman bunga, kawasan rekreasi, taman air, tasik dan tanah berpaya.

Pembangunan kawasan ini turut membabitkan kawasan hijau dan tasik seluas 600 hektar bagi mempertingkatkan imejnya sebagai bandar raya dalam taman, di samping memperlihatkan kepada dunia hasrat dan pencapaian negara mengharungi cabaran teknologi abad ke-21.

JPM dan kediaman rasmi Perdana Menteri dibina dalam fasa pertama yang membabitkan kawasan seluas 1,527 hektar.

Pusat pentadbiran baru kerajaan bernilai RM20 bilion mengandungi 20 kawasan untuk bangunan kerajaan membabitkan kawasan seluas 239 hektar, komersil (130 hektar), perumahan (1,155 hektar), kemudahan awam (441 hektar), sivik dan kebudayaan (10 hektar), kemudahan prasarana (849 hektar) dan selebihnya kawasan terbuka.

Fasa pertama pembangunan Putrajaya membabitkan peruntukan keseluruhan RM4 bilion, manakala fasa kedua bermula tahun 2000, membabitkan kos kira-kira RM16 bilion bagi tempoh 10 tahun.

Sehingga kini, 93 peratus daripada 4,581 hektar yang dikhususkan bagi pembangunan pusat pentadbiran Kerajaan Persekutuan disiapkan.

Beliau berkata, pusat pentadbiran itu apabila siap sepenuhnya Jun 2002 boleh menampung 330,000 penduduk.

Menurutnya, pembangunan Putrajaya sebagai pusat pentadbiran Kerajaan Pusat agak unik kerana ia memperlihatkan ciri perancangan bandar, seni bina dan lanskap yang mengimbangi alam semula jadi dan kecanggihan teknologi.

(END)